

30 JUL 2002

Syed Hamid-Powell/I

AMERIKA CADANGKAN PUSAT ANTI KEGANASAN SERANTAU DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Amerika Syarikat sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan satu pusat serantau seperti sebuah institut untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti anti keganasan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, cadangan itu dibuat oleh Setiausaha Negara Amerika, Collin Powell, semasa pertemuan mereka di Wisma Putra di sini, hari ini.

"Mereka bertanya mengenai kemungkinan meningkatkan kerjasama untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat serantau bagi aktiviti membanteras keganasan...untuk menubuhkan sebuah badan seperti institut yang akan menjadi tempat tumpuan untuk perbincangan dan pertimbangan," kata beliau kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata, pusat yang dicadangkan itu akan dikendalikan bersama oleh para pegawai Malaysia dan Amerika Syarikat.

Sebelum itu, semasa persidangan berita ringkas bersama Powell, Syed Hamid berkata kedua-dua negara akan mengkaji bidang-bidang kerjasama spesifik untuk meningkatkan usaha dalam memerangi keganasan.

"Kita telah mengadakan kerjasama yang berkesan dan mantap, kami sangat gembira dengan hubungan itu dan kini sedang meninjau bidang-bidang kerjasama yang khusus.

"Kami mengharapkan untuk mempunyai sesuatu yang signifikan antara Amerika dan Malaysia di mana kita boleh mengambil bahagian dalam forum serantau bagi bertukar pendapat." kata beliau.

Ditanya oleh seorang pemberita Amerika berhubung ekstradisi warga Malaysia yang disyaki turut terbabit dalam tragedi 11 September, Syed Hamid berkata Amerika boleh menggunakan saluran sedia ada antara kedua-dua negara bagi tujuan itu.

Powell yang tiba di sini malam semalam bagi lawatan singkat sebelum itu telah mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara itu, ditanya mengenai isu-isu hak asasi manusia berhubung warga Malaysia yang ditahan kerana terbabit dalam keganasan, Powell berkata mereka mesti dilayan selaras dengan standard hak asasi manusia yang universal.

Syed Hamid dalam menjawab soalan ini berkata: "Malaysia banyak memberi penekanan terhadap hak asasi manusia dan selama ini ia menggunakan standard universal hak asasi manusia dan pada masa yang sama mengambil kira kepentingan dan perspektif negara".

Beliau mengulangi yang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) digunakan untuk memulihara keamanan dan kestabilan di negara ini dan bukan bagi tujuan politik.

Powell pula semasa ditanya sama ada isu-isu Asia Barat dibangkitkan semasa perbincangan, mengulangi Amerika Syarikat akan mencari penyelesaian aman bagi konflik itu.

Ditanya mengenai hasil pertemuan dengan Powell, Syed Hamid menyifatkannya sebagai sangat konstruktif dan berhasil.

Syed Hamid juga berkata delegasi Amerika kagum dengan tahap pembangunan di negara ini.

Powell yang berada dalam misi diplomatik lapan hari ke Asia akan berlepas ke Singapura petang ini dalam perjalanan ke Bandar Seri Begawan, Brunei untuk menghadiri Forum Serantau Asean (ARF).

Selepas mesyuarat ARF, Powell akan ke Indonesia dan Filipina sebelum

mengakhiri jelajah diplomatiknya itu.

-- BERNAMA

AZH MHI NM MFJ PR